



07 MAY, 2024

## Jualan Agro MADANI Mukah dapat sambutan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Jualan Agro MADANI Mukah dapat sambutan

**MUKAH:** Jualan Agro MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat di sini.

Tujuan program ini dijalankan adalah bagi memudahkan pengguna mendapatkan berkalen produk-produk segar pada kadar harga yang munasabah dan berpatutan berteraskan penjimatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Antara barangan keperluan harian yang dijual ialah ayam,

daging, telur ayam, sayur-sayuran dan lain-lain lagi.

Harga jualan ditawarkan ialah antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran bagi komoditi terpilih.

Jualan itu berkonsepkan gerai terbuka dan berkanopi dengan lokasinya yang mudah dilihat dan diakses.

Malah, ia dijual dengan secara campuran atau set 'kombo' pelbagai jenis barang keperluan harian bagi memberi pilihan dan menarik perhatian pelanggan.



**HARGA BERPATUTAN...**  
Gerai Jualan Agro MADANI di depan sebuah kedai sejuk beku di Pusat Komersil Medan Setia Raja Mukah.

**PELBAGAI PILIHAN...** Antara barangan keperluan yang dijual Jualan Agro MADANI di Mukah.



07 MAY, 2024

## Jualan Agro MADANI Mukah dapat sambutan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MUKAH: Jualan Agro MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat di sini. Tujuan program ini dijalankan adalah bagi memudahkan pengguna mendapatkan berkalen produk-produk segar pada kadar harga yang munasabah dan berpatutan berteraskan penjimatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Antara barangan keperluan harian yang dijual ialah ayam,

daging, telur ayam, sayur-sayuran dan lain-lain lagi. Harga jualan ditawarkan ialah antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran bagi komoditi terpilih.